

Yesus ingin semua orang diselamatkan

TAKHTA SUCI: Umat Kristian harus berdoa memohon rahmat agar dapat memandang orang lain dengan belas kasihan dan kepedulian yang sama seperti Yesus memandang mereka, kata Sri Paus Fransiskus sebelum mendaraskan Doa Angelus bersama para penziarah yang berhimpun di Dataran Sto Petrus, Mac 10 lalu.

“Tidak ada seorang pun yang sempurna. Kita semua adalah pendosa, kita semua melakukan kesalahan dan jika Tuhan menggunakan pengetahuan-Nya untuk mengetahui kelemahan dan untuk menghukum kita, maka tidak ada seorang pun yang dapat diselamatkan,” kata Sri Paus.

Menyampaikan renungan berdasarkan pembacaan Injil pada hari tersebut (Yohanes 3:14-21), Sri Paus Fransiskus berfokus pada perkataan: “Sebab Tuhan mengutus Anak-Nya ke dunia bukan untuk mengutuk dunia, tetapi agar dunia diselamatkan melalui Dia.”

Ketika Yesus bertemu dengan orang ramai dalam Injil, Dia melihat siapa mereka sebenarnya. “Tidak ada rahsia yang dapat disembunyikan di hadapannya. Dia membaca hati mereka.”

Sejak dahulu sehingga sekarang, Yesus melihat manusia seutuhnya, bukan “menuduh kita, sebaliknya menerima hidup kita, membebaskan kita dari dosa dan menyelamatkan kita,” katanya.

“Yesus tidak tertarik untuk mengadili kita atau menghakimi kita. Dia ingin tidak ada di antara kita yang hilang.”

“Pandangan Tuhan terhadap setiap peribadi kita bukanlah mercusuar yang mempesonakan kita dan menyusahkan sebaliknya ia adalah cahaya mesra yang membantu kita meli-



Sri Paus Fransiskus gembira bertemu dengan para penziarah Audiensi Umum baru-baru ini. Gambar: Media Vatikan.

hat kebaikan dalam diri kita dan menyedari kejahatan supaya kita bertobat dan disembuhkan dengan pertolongan rahmat-Nya.”

Namun, kata Sri Paus Fransiskus, manusia sering kali tidak memperlakukan orang lain dengan kepedulian yang sama.

Fikirkan tentang betapa “sangat kerap kita mengutuk orang lain dan kita juga suka berbicara buruk, bergosip tentang orang lain. Mari kita memohon kepada Tuhan agar mencurahkan rahmat bagi kita menatap dan memandang orang lain dengan penuh kasih, sebagaimana Dia memandang kita.”

Selepas mendaraskan Doa Angelus, Sri Paus Fransiskus turut menyampaikan keke-

tannya terhadap kaum wanita yang menyambut Hari Wanita Sedunia pada Mac 8.

“Saya ingin menyampaikan sebuah ingatan dan mengungkapkan kedekatan saya dengan seluruh kaum wanita, terutama mereka yang tidak dihormati martabatnya,” ujarnya.

“Masih banyak kerja dan usaha yang harus kita lakukan demi pengiktirafan martabat wanita. Institusi sosial dan politik, mempunyai tugas asas bagi melindungi dan mempromosikan maruah setiap manusia, memberi tawaran atau peluang sama rata kepada wanita, pembawa kehidupan, syarat-syarat yang diperlukan untuk menyambut anugerah kehidupan dan menjamin anak-anak mereka

kehidupan yang sewajarnya.”

Sri Paus Fransiskus juga meminta perhatian terhadap “krisis serius yang menimpa Haiti,” dengan penculikan, rompakan dan kekerasan.

“Saya mengungkapkan kedekatan saya dengan Gereja dan penduduk Haiti yang terkasih, yang telah dilanda banyak penderitaan selama bertahun-tahun,” kata Sri Paus Fransiskus sambil meminta komuniti beriman untuk berdoa agar melalui perantaraan Bonda Maria Penolong Abadi “segala jenis kekerasan dapat dihentikan dan setiap orang dapat memberikan sumbangan mereka terhadap pertumbuhan perdamaian di negara itu.” — media Vatikan

Vatikan buka jalan baharu berdialog dengan Konfusian

ROMA: Vatikan menaja sebuah dialog di Taiwan dalam persiapan Gereja Katolik mengeluarkan garis panduan rasmi untuk penglibatan dengan Konfusianisme, salah satu falsafah agama yang paling berpengaruh dalam sejarah China.

Fr Paulin Kubuya, setiausaha kecil untuk Dikasteri Dialog Antara Agama Vatikan, pergi ke Kota Taipei, Taiwan untuk sebuah pertemuan di Universiti Katolik Fu Jen.

Sekembalinya ke Roma pada Mac 12, beliau memberitahu CNA bahawa garis panduan itu dapat membantu umat Katolik di Asia Timur untuk mengemudi hidup dalam kepercayaan di tengah-tengah tradisi bu-

daya mereka.

Fr Paulin yang berasal dari Republik Demokratik Congo, fasih berbahasa Cina semasa melayani sebagai misionari Xaverian di Taiwan.

Paderi itu melihat bagaimana orang yang memeluk agama Katolik bergelut dengan tradisi dan ritual semasa mereka membesar misalnya penghormatan kepada nenek moyang mereka.

“Konfusianisme, sehingga abad ke-19, menyediakan [masyarakat] Cina, Korea, Jepun dengan garis panduan tentang cara mengendalikan diri sendiri. *The Analects of Confucius* masih digunakan dalam pendi-

kan asas di Taiwan.”

“Bagi orang Kristian Asia ... garis panduan dialog ini akan membantu kerana ia akan membolehkan mereka berdialog secara harmoni,” katanya.

Vatikan sedang merangka garis panduan dengan matlamat untuk menyediakan sumber yang berharga untuk individu, organisasi dan komuniti di dalam dan di luar Gereja Katolik yang berusaha untuk terlibat dalam dialog dengan pengikut Konfusianisme.

Bengkel di Taiwan adalah hasil lebih daripada dua tahun persiapan.

Jabatan dialog antara agama Vatikan menjemput pakar dalam Konfusianisme

dari seluruh dunia untuk berkongsi pandangan mereka dalam siri mesyuarat secara maya sehinggalah pertemuan secara peribadi di Taiwan.

Lebih banyak kerja dan kajian diperlukan, menurut Fr Paulin yang menjangka garis panduan itu akan dimuktamadkan dan diterbitkan pada tahun hadapan.

Semoga dengan melibatkan Konfusianisme dalam dialog ... seorang Kristian yang datang dari Asia dan yang berasal dari latar belakang itu, akan tahu kedudukan Gereja dan bagaimana dia boleh menyatukan tradisi budaya dengan aman,” kata Fr Paulin. — CNA

Pengalaman lalu, bekalan hari ini

Kadang-kadang tiada apa yang dapat membantu melainkan menggunakan metafora bagi menjelaskan sesuatu.

Dalam bukunya, *The God Instinct*, Tom Stella berkongsi kisah ini: Sebilangan lelaki yang mencari nafkah sebagai kuli, pada suatu hari telah diupah untuk membawa muatan besar untuk sebuah kumpulan di safari.

Beban kerja mereka sangat berat dan mereka harus melalui perjalanan sukar hutan belantara yang tebal.

Beberapa hari dalam perjalanan, mereka nekad berhenti, melepaskan beban di bahu mereka dan kembali ke rumah.

Tiada satu pun rayuan, sogokan atau ugutan yang berkesan untuk memujuk mereka meneruskan pekerjaan itu.

Ditanya mengapa mereka tidak dapat meneruskan pekerjaan itu, mereka menjawab: “Kami tidak dapat meneruskan; kami perlu menunggu semangat kami datang kembali.”

Itu juga berlaku dalam kehidupan kita namun kebanyakannya kita tidak pernah menunggu semangat kita untuk datang semula.

Tidak menunggu semangat untuk datang semula kerana tahu, ia mungkin mengambil masa bertahun-tahun.

Maksudnya, kita berjuang untuk berada pada masa sekarang, berada di dalam keselesaan kita sendiri, berjuang menyedari kekayaan pengalaman kita sendiri.

Selalunya pengalaman kita tidak begitu dihargai kerana banyak sebab. Sebagai contoh diri saya sendiri: Selama dua puluh lima tahun yang lalu, saya telah menyimpan jurnal. Niat saya untuk menyimpan jurnal ini adalah untuk meredakan perkara yang sangat

menyentuh hati saya sepanjang hari; tetapi akhirnya kebanyakannya perkara yang saya tulis adalah kronologi ringkas harian saya, ia menjadi buku catatan harian, tidak ada yang menarik dan hanya mencatatkan yang saya lakukan dari jam ke sekian jam.

Diari saya langsung tidak menyerupai diari Anne Frank, *Dag Hammarskjold's Markings* atau Henri Nouwen's *Genesee Diary*.

Jurnal saya lebih menyerupai apa yang anda mungkin dapat daripada seorang budak sekolah yang menandakan harinya di sekolah, kronologi ringkas tentang apa yang berlaku.

Namun apabila saya membacanya kembali jurnal zaman kanak-kanak saya, tentang apa yang saya lakukan pada hari tertentu, saya kagum betapa meriah dan kaya kehidupan saya ketika itu. Sudah tentu, semasa kanak-kanak dan remaja, saya tidak begitu menyedarinya.

Saya masih ingat bahawa semasa remaja, saya melalui hari-hari itu dengan pergelutan dan tekanan, bergelut untuk menyelesaikan tugas saya, mahu mengetahui pelbagai perkara, memenuhi permintaan keluarga, mengukir beberapa detik persahabatan dan rekreasi. Tidak ada banyak keinginan dan permintaan ketika itu, hanya rutin, kerja dan tergesa-gesa.

Saya percaya bahawa ini bukan tipikal. Kebanyakan kita, tidak menyedari betapa kayanya kehidupan kita.

Sebagai contoh, ramai wanita yang memberikan sepuluh hingga lima belas tahun hidupnya untuk melahirkan, membesarkan anak, sentiasa menjaga keperluan orang lain, bangun pada waktu malam untuk menyusukan anak, menghabiskan 24 jam sehari dengan den-



Jangan sampai kesihatan atau bencana melanda kita, baharulah kita menyedari betapa berharganya kehidupan kita — Fr Ron Rolheiser.

gan pelbagai tugas yang menanti, mengorbankan masa lapang dan menanggukuhkan kerjaya serta kreativiti peribadi.

Namun anehnya, wanita yang sama itu, apabila mengenang kembali tahun-tahun yang sangat sibuk, tahun di mana dia mengorbankan banyak masa ... berharap dapat kembali ke kehidupan lalu kerana pada masa ini, wanita itu lebih bersemangat, lebih sedar betapa istemewanya berpeluang melakukan perkara-perkara itu meskipun dalam keletihan.

Bertahun-tahun kemudian, apabila wanita itu menoleh ke belakang, dia melihat betapa kaya, betapa berharga pengalaman dan disebabkan beban serta tekanan, dia semakin matang, jiwanya dipenuhi, puas dan dia semakin berpengalaman.

Kita semua mungkin pernah membaca kisah seseorang yang

berazam melakukan sesuatu yang berbeza jika berpeluang kembali ke masa silam.

Kebanyakan cerita ini sebenarnya mempunyai motif yang sama. Jika diberi peluang lagi, kita akan cuba lebih menikmatinya, iaitu kita akan cuba memastikan untuk melakukan perkara lalu dengan lebih bersemangat dan menghargai.

Bagi kebanyakan kita, saya khuatir, kita hanya akan menghargai masa lalu apabila kita bersara, semasa tenaga kita sudah berkurangan dan tiada peluang untuk bekerja.

Nampaknya kita perlu kehilangan sesuatu dahulu sebelum kita menghargainya sepenuhnya. Kita cenderung untuk mengambil kehidupan, kesihatan, tenaga, dan kerja begitu sahaja, sehingga ia diambil daripada kita.

Selepas itu, baharulah kita sedar betapa kayanya hidup kita dan beta-

pa sedikitnya kita menikmati keindahan kehidupan pada masa itu.

Kita akan mendapat kembali jiwa dan semangat kita tetapi jangan menunggu sahaja. Seperti kuli yang melepaskan beban mereka dan berhenti, mereka bukannya malas tetapi mereka sudah mengalami kesukaran dan membuat keputusan “untuk kembali melakukan pekerjaan itu, mereka perlu semangat, pengalaman dan sokongan.”

Pada awal kepaderiannya, semasa Sri Paus Fransiskus menjadi pengetua di sebuah sekolah, pada setiap hari beliau akan pergi ke kelas, tidak kira sama ada kelas itu sedang menjalankan pembelajaran atau aktiviti, beliau akan menyatakan pengumuman ini: Bersyukurlah. Tetapkan semangat anda. Manfaatkan tenaga anda untuk hari ini. — Fr Ron Rolheiser @ Hakcipta Terpelihara 1999-2024

Bangga memiliki Sang Juruselamat

Penderitaan, kematian dan kebangkitan Tuhan Yesus merupakan intisari bahan renungan, yang dihidangkan kepada segenap umat Kristian sepanjang Minggu Suci, yang dimulai pada Hari Minggu Palma ini.

Marilah kita dengarkan penuh perhatian kisah tentang hari-hari dan saat-saat penentu terakhir hidup Yesus di dunia ini.

Penderitaan Yesus harus memasuki dan menembusi hati kita, yang sering mati rasa dalam hidup kita khususnya pada zaman moden ini.

Sepanjang Minggu Suci, kita berkesempatan melihat dan mengenal siapakah Yesus, dan siapakah orang-orang yang menganiaya Dia.

Tetapi bukan hanya orang-orang sezaman dengan Yesus, tetapi juga orang-orang sezaman dengan kita, yang membenci, memusuhi, menekan, menghina dan menganiaya sesama. Apakah kita termasuk juga dalam kelompok mereka itu?

Dari kisah penderitaan Yesus kita dapat menggambarkan kese-

dihan-Nya, yang merasa ditinggalkan teman-teman dan murid-murid-Nya.

Yesus tergantung dari nasib-Nya. Yesus dikhianati Yudas Iskariot. Dia tidak menjawab Pilatus, ketika disoal oleh Pilatus.

Dan Pilatus kelihatan tidak berusaha menolong Dia, bahkan murid-murid-Nya sendiri yang bersungguh-sungguh mahu mengikuti Dia, yang pada mulanya sanggup meninggalkan segala-galanya termasuk keluarga dan pekerjaan, mula meninggalkan Dia.

Peristiwa-peristiwa yang berlangsung dalam kisah Injil Markus ialah: Yesus dan murid-murid pergi dari ruang perjamuan malam terakhir ke Getsemani.

Sesudah diadili oleh Pilatus Dia dibawa ke Golgota. Sesudah disalib Dia dibawa ke tempat pemakaman.

Ternyata dari urutan peristiwa itu, Yesus telah mengubah urutan nilai-nilai duniawi!

Dia mengajar kepada kita bahawa kepimpinan dan kewibawaan

yang sejati ialah dengan pelayanan kerendahan hati, kemurahan hati, belas kasihan dan mengutamakan orang lain khususnya mereka yang lemah dan sakit.

Selain itu, Injil Markus turut mencatat kisah seorang wanita yang meminyaki kepala Yesus dengan minyak murni yang sangat mahal.

Wanita itu dikritik pedas kerana membazirkan sesuatu yang amat berharga.

Di sini, kita dapat melihat murid-murid lelaki Yesus tidak setia kepada Guru mereka, malah meninggalkan-Nya.

Sedangkan si wanita yang tidak terkenal itu membuktikan kesetiaan, keberanian dan kasihnya yang murni kepada Yesus.

Isi pelajaran itu ialah, bahawa hidup kita harus jadikan seperti buli-buli berisi minyak murni yang berharga bagi Tuhan dan bagi sesama kita!

Bukan hanya untuk kepentingan kita sendiri. Kita harus rela memberikan apa yang berharga dan apapun bentuknya, untuk

**HARI MINGGU PALMA
TAHUN B**
YESAYA 50:4-7
FILIPPI 2:6-11
INJIL MRK 14:1-15:47

mewujudkan kasih kita yang sejati kepada sesama

Sri Paus Santo Yohanes Paulus II, semasa memimpin Ibadat Jumaat Suci di Roma suatu ketika dahulu, pernah mengucapkan kata-kata penuh makna ini: “Kalau bukan Sang Penebus yang diadili oleh manusia, siapa lagi yang dapat memahami penderitaan orang-orang yang diadili secara tidak adil, selain Sang Penebus?”

“Kalau bukan Sang Raja yang dicaci maki dan dihina, siapa lagi yang dapat menyahut dan mengerti akan keinginan dan keperluan jutaan orang yang hidup tanpa harapan dan tidak dihargai, selain Yesus?”

“Siapakah, jika bukan Putera Tuhan yang disalib, yang sangat memahami, ikut merasakan kesedihan dan kesepian kehidupan

ramai orang yang hidup di tengah-tengah kemiskinan lebih-lebih lagi mereka yang terabai dan tertindas?

Betapa bangga, betapa gembira dan bersyukur kerana kita memiliki seorang Sang Penyelamat, yang sungguh memahami, yang selalu dan setia memperhatikan situasi hidup kita! Dia selalu bersama kita, ikut serta dalam kesedihan, kesukaran dan penderitaan kita!

Bersediakah dan sanggupkah kita membalas kasih Penyelamat itu, juga kepada sesama tanpa memandang perbezaan?

Dalam pembacaan kedua, Paulus memberi nasihat kepada jemaat di Filipi dan kita agar kita dapat mengosongkan diri kita dan mengambil rupa seorang hamba kerana inilah sikap dasar Yesus Kristus. — iman katolik

Bual bicara bersama wakil Malaysia ke Sidang Sinode di Vatikan

KENINGAU: Dalam temu bual baru-baru ini di KekitaanFM, Anna Teresa Amandus dari keuskupan termuda di Malaysia iaitu Keuskupan Sandakan, berkongsi pangalaman dan pandangan beliau mengenai Sinode tentang Sinodaliti yang telah tamat pada Oktober 2023 dan bakal kembali bersidang dalam Sesi Kedua pada Oktober tahun ini.

Anna Teresa merupakan salah seorang daripada dua delegasi dari Malaysia yang telah dipilih secara peribadi oleh Sri Paus Fransiskus sebagai Ahli Mengundi (*Voting Member*) untuk Sesi Pertama Perhimpunan Agung Biasa ke-16 Sinode, pada Oktober 2023.

Pelbagai pengalaman menarik yang dikongsi oleh Anna sepanjang Bual Bicara bersama DJ Watitir yang berdurasi dua jam itu. Antaranya ialah perjumpaan peribadi bersama Bapa Suci Fransiskus, duduk semeja dengan tujuh orang uskup, dua orang kardinal dan seorang paderi, menjadi pelapor, ziarah ke katakombe dan muzium Vatikan.

Ditanya mengenai peranannya sebagai Ahli Mengundi, Anna memberitahu bahawa beliau merupakan salah seorang Ahli Mengundi yang membuang undi bagi isu-isu yang dibawa oleh Sesi Pertama Perhimpunan Agung Biasa Sinode, yang bakal dikaji selanjutnya pada Sesi Kedua yang dijadualkan oleh Bapa Suci



Anna Teresa (tiga dari kiri) bersama para perwakilan dari pelbagai negara yang menghadiri Sinode Umum para Uskup ke-16 di Roma pada Oktober 2023.

pada bulan Oktober tahun ini.

Anna juga menjelaskan tentang Laporan Sintesis yang menyelidiki topik dan perbincangan yang muncul semasa sinode.

Tegasnya Laporan Sintesis tidak bertujuan untuk menjadi dokumen magisterial, “Bayangan: uskup, paderi, kardinal, orang awam, religius semuanya berkumpul di sekeliling meja bulat, berkongsi pandangan mereka dan memberikan perspektif holistik tentang

sinode.”

Objektif utama dalam membuat laporan Sintesis adalah untuk meneliti fenomena-fenomena universal — pengalaman kolektif yang merentasi sempadan geografi. Ia bukan tentang menangani isu-isu tertentu, tetapi lebih kepada menumpukan isu yang diperhatikan di seluruh Gereja.

Bertugas sebagai Pentadbir Pastoral Keuskupan Sandakan, peluang emas meng-

hadiri Sinode para Uskup ke-16 itu juga membolehkannya semakin memahami para uskup di mana tugas mereka amat berat tetapi pada masa yang sama, mereka tetap bangkit dan berdiri bersama Yesus demi menjaga domba-domba yang dipercayakan oleh mereka.

Satu lagi pengalaman menarik Anna semasa menghadiri Sinode ialah tentang “Perbualan dalam Roh” (*Conversation in the Spirit*) iaitu perjalanan perbualan dan penelitian bergantian dalam suasana berdoa, hening dan mendengar, sepenuhnya kepada Roh Kudus.

“Melalui Perbualan Dalam Roh ini, setiap peserta mempunyai masa untuk berkongsi atau berbicara, masa biasanya dihadkan kepada tiga hingga empat minit, jika terlebih masa ... mikrofon akan dimatikan. Perbualan Dalam Roh mendorong semua peserta untuk mendengar dan berdialog, bukan berdebat!”

Dalam persiapan untuk menghadiri Sidang Kedua Sinode, Anna juga terlibat dalam persiapan persidangan pastoral Malaysia 2026 dan juga mempersiapkan 50 orang fasilitator Perbualan Rohani.

Katanya, Uskup Julius Dusin Gitom mahu Perbualan Rohani ini dijadikan budaya dan salah satu kaedah untuk digunakan dalam perhimpunan, seminar dan mesyuarat di keuskupan itu.



Roh Kudus, hadiah dari syurga

KUANTAN: Gereja St Thomas Rasul, menganjurkan Seminar Hidup Baharu Dalam Roh (LSS) yang dikendalikan oleh Tim Pelayanan CHARIS Keuskupan Agung Kuala Lumpur yang dihadiri seramai 50 orang peserta.

Program dua hari itu diisi dengan pelbagai aktiviti pementapan iman seperti Pujian dan Penyembahan, sesi katekesis, perbincangan dalam kumpulan dan doa-doa yang ditujukan kepada Roh Kudus.

Paderi paroki, Fr George Packiasamy se-

masa berucap ketika Upacara Pentakhtaan Alkitab mengalu-alukan kedatangan semua peserta dan fasilitator.

Pada hari pertama, Fr Clement Lim dari paroki Sacred Heart, Bentong, memimpin Benediktus dan sesi Penyembuhan.

Selepas menghadiri LSS, ramai peserta yang mengakui iman mereka telah disegarkan, terbuka untuk memaafkan kesalahan orang lain dan didorong untuk lebih mencintai Ekaristi.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
Email:
liza@herald.com.my

Dari mana kayu salib Yesus berasal?

Tidak menghairankan, kayu di mana Yesus dipakukan 2,000 tahun yang lalu itu menjadi subjek banyak mitos dan legenda.

Orang Kristian zaman pertengahan percaya bahawa segala-galanya dibuat untuk tujuan tertentu dan kayu salib Yesus tidak mungkin dari pokok biasa-biasa atau rawak, tetapi dari pokok tertentu dengan simbolisme rohani yang hebat.


Salah satu kisah yang paling popular diceritakan dalam manuskrip dari abad ke-12 ialah *On the derivation of the Wood of the Cross from the Tree of Knowledge*. Dalam buku ini, seorang pertapa Kristian bernama Lambertus berkongsi legenda berikut:

Apabila Adam berumur kira-kira sembilan ratus tiga puluh tahun, dia mengatakan kematiannya sudah dekat tetapi sebelum meninggal dunia, dia mesti menderita penyakit yang teruk sehingga dia dapat menghidu bau pokok di mana dia telah berdosa terhadap Tuhan di syurga.

Dan dia berkata kepada Seth, anaknya, “Pergilah ke timur, ke tepi lautan dan berserulah kepada Tuhan dengan tangan yang terhulur ke langit dan mungkin kamu akan mendapat pertolongan.”

Apabila Seth memenuhi amanat bapanya, dia dibawa oleh malaikat ke dalam syurga dan selepas dia mematahkan dahan dari pokok pengetahuan itu, dia dibawa kembali kepada bapanya.

Selepas menghidu kesegaran bau pokok itu, bapanya meninggal dunia. Oleh itu, Seth menanam dahan itu yang akhirnya tumbuh menjadi



pokok dan tetap subur sehingga zaman Salomo.

Ketua-ketua pembina Bait Suci, apabila mereka melihat betapa bagusnya pokok itu, mereka menebangnya; tetapi tukang-tukang bangunan menolaknya.

Dan kayu itu hanya terletak dan terbiar di sana serta tidak digunakan selama 1090 tahun, iaitu sehingga Kristus datang. Dari kayu inilah telah dibuat salib Kristus.

Walaupun tidak ada bukti untuk mengesahkan hal ini, legenda itu menonjolkan hubungan rohani yang memang wujud.

Sto Paulus menyatakan dalam suratnya kepada

orang Roma, “Sebab itu, sama seperti oleh satu pelanggaran semua orang beroleh penghukuman, demikian pula oleh satu perbuatan kebenaran semua orang beroleh membenaran untuk hidup. Jadi sama seperti oleh ketidaktaatan satu orang semua orang telah menjadi orang berdosa, demikian pula oleh ketaatan satu orang semua orang menjadi orang benar” (Roma 5:18-19).

Atau ia juga boleh digunakan konteks dua jenis pokok, “Sebab sama seperti oleh satu pohon banyak orang telah menjadi berdosa, demikian juga melalui pohon yang lain banyak orang akan menjadi benar.”


Menurut legenda ini, melalui pokok yang sama, kedua-dua kematian dan kehidupan diberikan kepada manusia.

Sto Paulus mengaitkan hubungan rohani ini dalam suratnya kepada jemaat Korintus, “Kerana sama seperti semua orang mati dalam persekutuan dengan Adam, demikian pula semua orang akan dihidupkan kembali dalam persekutuan dengan Kristus ... Hai maut, di manakah kemenanganmu? Hai maut, di manakah sengatmu? (1 Korintus 15:22,55)

Walaupun hubungannya dengan legenda itu mungkin tidak benar, ia memberikan kita refleksi sempurna untuk memasuki Minggu Suci Paskah dan mengingatkan tentang karya-karya misteri rancangan Tuhan sepanjang sejarah dan bagaimana Yesus mengambil dosa kita serta memakukannya pada sebatang pokok. — *Aleteia*


Sahabat kecil Yesus

Cari perkataan tersembunyi.



Yesus disambut dengan penuh meriah ketika memasuki kota Yerusalem. Dia disambut dengan daun palma dan dengan sorakan "Hosana!"

Sambungkan dari titik ke titik mengikut nombor dan warnakan.




PADA HARI JUMAAT AGUNG, KITA MENGHORMATI SALIB SEBAGAI TANDA MEMPERINGATI KESENGSARAAN YESUS DI KAYU SALIB.

DIA SANGGUP MATI UNTUK MENEBUS DOSA-DOSA KITA. LENGKAPKAN WAJAH KANAK-KANAK DI BAWAH.



Cari TUJUH perbezaan pada gambar ini.



Hello adik-adik, Apa khabar? Pada minggu ini, kita merayakan Hari Minggu Palma. Pada Hari Minggu Palma ini, kita biasanya membawa dahan-dahan palma untuk diberkati dan sebagai lambang mengalu-alukan Yesus. Kita mengenang Yesus, yang disambut gembira bagaikan raja. Tetapi beberapa hari kemudian, Dia ditangkap, diseksa, dihina dan disalibkan. Adik-adik, dengan memasuki Minggu Suci, mari kita mengarahkan hati dan mata kita kepada Salib Yesus. Mari kita berdoa untuk orang-orang yang menderita akibat peperangan, orang-orang yang sedang sakit dan orang-orang yang terabai misalnya warga tua yang kesunyian kerana tidak ada sesiapa yang melawatnya.

Salam sayang Antie Melly

BELIA MILENIUM

CARITAS REKRUT SUKARELAWAN MUDA JADI AGEN KASIH

MEMBAKUT: *Art of Love: To Care, To Give, To Share* adalah tema program *Caritas Membakut Youth Camp* yang telah diadakan pada Mac 1-3.

Bertempat di Gereja St Patrick program ini telah dirancang dan dilaksanakan oleh Caritas Paroki St Patrick untuk para belia berusia 14 hingga 18 tahun. Seramai 60 orang belia telah menyertai program ini.

Pada hari pertama program, melalui sesi *Art of Love: To Care*, para peserta mendalami ajaran sosial Gereja mengenai manusia dan alam sekitar.

Kemudian, antara pengisian pada hari kedua ialah senaman pagi, sesi *Art of Love: To Give* bersama Sdra Dennis Patrick dan melakukan kerja-kerja sukarelawan iaitu melawat dua buah keluarga warga emas dan kanak-kanak migran.

Pada sebelah malam, para peserta mempelajari bahawa kasih bukan setakat memberi dan menjaga namun berkongsi dengan keikhlasan tanpa diskriminasi dan tidak berat sebelah.

Melalui sesi *Art to Love: To Share* yang disampaikan oleh Sdri Patricia Bai, peserta diajak untuk melihat bagaimana Caritas di seluruh dunia berkongsi beban dengan semua golongan yang menderita dan terpinggir seperti orang miskin dan pelarian perang.

Aktiviti diteruskan dengan menonton dan mendengar rakaman video pesanan daripada Pengarah Caritas Malaysia, Fr Fabian Dicom.

Dalam pesannya, Fr Fabian berkata "Kasih bukan sekadar tentang menerima

tetapi juga tentang memberi. Ini bermaksud mendekati mereka yang memerlukan, memberi telinga untuk mendengar kepada mereka yang mencari keselesaan dan menyebarkan kebaikan dimana saja anda pergi."

Katanya lagi "menjadi sukarelawan dan melayani orang lain mungkin kelihatan seperti perbuatan kecil yang penuh cinta kasih, mewujudkan perpaduan dan empati terhadap sesama manusia, tindakan anda mungkin kelihatan sederhana tetapi membawa cahaya kepada sudut-sudut yang paling gelap dalam kehidupan seseorang. Anda tidak bersendirian."

Kemuncak aktiviti pada malam tersebut adalah menandatangani ikrar menjadi agen kasih oleh para peserta sambil ditemani cahaya unggun api yang disimbolkan sebagai semangat sukarelawan yang sentiasa bernyala dan membara.

Pada hari ketiga, dua orang peserta diberikan peluang untuk memberi perkongsian mengenai pengalaman mereka sepanjang program ini di dalam Misa Kudus.

Dalam perkongsiannya, adik Mildvera Gorothy Francis mengatakan bahawa beliau sangat bersyukur kerana memilih menyertai kem itu.

Adik Nicholas Denis Ejoh pulak berkata "Walaupun perkara yang kita lakukan itu adalah sangat kecil, mungkin bagi orang lain, ia adalah sangat besar."

Seterusnya, para peserta kem membahagi-bahagikan kad kecil yang tertulis ajakan berbuat kebaikan kepada umat yang hadir.

Pengerusi penganjur program, Patricia Bai yang juga merupakan Pengarah Caritas Keuskupan Keningau berkata, objektif utama penganjur program ini adalah un-



Salah satu aksi dalam sesi suai kenal Caritas Membakut Youth Camp.

tuk merekrut sukarelawan muda terutama di kalangan belia remaja Katolik dan membantu mereka memahami kepentingan mereka sebagai agen kasih.

"Perkataan *Art* atau "seni kasih" dipilih untuk menjadikan belia kita lebih dapat mengaplikasikan kasih sebagai sesuatu yang indah dan natural di dalam kehidupan seharian para belia.

"Caritas dapat menjadi satu platform

terbaik bagi para belia kita menjadi terang dan garam kepada dunia.

"Semoga program *Caritas Youth Camp* ini akan menjadi satu permulaan kepada pelayanan kasih yang indah di paroki St Patrick Membakut dan Keuskupan Keningau," kata Patricia.

Program *Caritas Youth Camp* diakhiri dengan penyerahan sijil penyertaan kepada semua peserta. — **KOMSOS SPM**

Gereja ajak kanak-kanak mencintai Yesus



Acara unggun api pada malam terakhir Kem Rohani Kanak-kanak di Tambunan.

KENINGAU: "Saya merasakan Roh Kudus bersama saya sepanjang perkemahan ini," kata seorang kanak-kanak, De Myrilla Estrella De Marshall yang menyertai Kem Rohani Kanak-kanak 2024 anjuran Gereja St Paulus Toboh Baru.

Perkemahan yang bertema, "Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku, janganlah menghalang-halangi mereka, sebab orang-orang yang seperti itulah yang empunya kerajaan Tuhan" (Markus 10:14) disertai seramai 130 kanak-kanak berusia antara tujuh hingga 12 tahun, dari pelbagai daerah termasuk Tawau dan Kota Kinabalu.

Misa Kudus pembukaan dipimpin oleh Diakon Nakohda Kennedy Kilin. Menerusi sesi pertama "Mengenal Tuhan Yesus", Diakon Nakohda mengingatkan kanak-kanak, agar sentiasa taat beriman kepada Yesus, mendengar Sabda

Tuhan serta rajin berdoa bersama keluarga.

Pada hari kedua, para peserta menikmati aktiviti luar "Kembara Rohani Berhalangan", di mana mereka melakukan aktiviti fizikal yang mencabar.

Pada malam terakhir, kanak-kanak digabungkan dengan ibu bapa mereka dalam sesi penyembuhan batin bertajuk "Luka-luka Batin" yang membuka ruang kepada mereka untuk saling memaafkan dan mengasihi.

Ini disusuli dengan pembakaran unggun api. "Saya dapat belajar berdoa menerusi perkemahan ini," kata salah seorang peserta, Shaalesh Hugian Manikumar, 10 tahun, dari Keningau.

Manakala peserta lelaki terbaik, Charlie, 12 dari Keningau mengatakan, "Saya gembira kerana mendapat kawan baharu dan juga belajar menguruskan diri di sini." — **Agnes Joseph**

Aktivis tuntutan tindakan atarabangsa untuk kebebasan beragama HK

HONG KONG: Sekumpulan 16 pakar dan organisasi antarabangsa telah menggesa tindakan antarabangsa bagi mempertahankan kebebasan beragama di Hong Kong dan menyatakan kebimbangan serius terhadap undang-undang baharu keselamatan negara Hong Kong.

Undang-undang keselamatan negara Hong Kong yang dicadangkan, dikenali sebagai Perkara 23, "secara langsung mengancam kebebasan beragama, dan mengancam kerahsiaan dalam Sakramen Tobat atau Pengakuan dalam Gereja Katolik."

Undang-undang baharu yang

diperkenalkan dalam badan perundangan pada Mac 8, digunakan selaras dengan undang-undang Beijing pada 2020 yang boleh membatalkan protes pro-demokrasi.

Di bawah undang-undang keselamatan baharu, seseorang boleh dihukum penjara sehingga 14 tahun kerana mengetahui bahawa orang lain telah melakukan "pengkhianatan" tetapi tidak memberitahu pihak berkuasa dalam masa yang munasabah.

Aktivis hak asasi manusia berkata peruntukan dalam undang-undang ini "sangat membimbangkan kerana ia mempunyai implikasi

yang serius terhadap kerahsiaan Pengakuan dalam Gereja Katolik dan tradisi Kristian yang lain."

Untuk memaksa seorang paderi untuk mendedahkan apa yang telah dikatakan dalam Pengakuan, bertentangan dengan kehendak dan hati nuraninya dan secara total melanggar privasi individu yang mengaku, adalah pelanggaran sepenuhnya Artikel 18 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat dan oleh itu, ia tidak boleh diterima sama sekali dan harus dikutuk oleh orang yang mempunyai hati nurani," tegas kumpulan aktivis tersebut. — *ucanews.com*



Cadangan Undang-undang keselamatan terbaharu negara Hong Kong mengancam kebebasan beragama dan kerahsiaan Sakramen Pengakuan.

"Bendera putih" bukan menyerah tetapi terbuka pada rundingan

ROMA: Sri Paus Fransiskus tidak meminta Ukraine untuk mempertimbangkan menyerah kepada Rusia semasa prelatus itu menyeru perundingan untuk mengakhiri perang, sebaliknya Bapa Suci menyeru agar Rusia dan Ukraine menghentikan permusuhan dan terlibat dalam perundingan damai, kata diplomat Vatikan.

"Jelas bahawa mencipta resolusi diplomatik terhadap perang di Ukraine tidak hanya bergantung pada satu pihak, tetapi kedua-dua belah pihak," kata Kardinal Pietro Parolin, Setiausaha Negara Vatikan, dalam sebuah wawancara dengan surat khabar Itali, *Corriere della Sera*, yang diterbitkan pada Mac 12.

Langkah pertama menuju perdamaian, tambah kardinal itu, adalah "mengakhiri pencerobohan."

Tanggungjawab untuk menghentikan permusuhan di Ukraine "pertama dan terutama berada di tangan penceroboh, barulah selepas itu, rundingan dapat bermula," tegasnya.

"Bapa Suci menjelaskan bahawa rundingan bukanlah kelemahan tetapi kekuatan. Bukan menyerah, tapi keberanian," ujarnya.

Ulasan kardinal tersebut merupakan susulan wawancara pada Mac 9 di mana Sri Paus Fransiskus menga-



Bapa Suci tidak meminta Ukraine menyerah kalah kepada Rusia, sebaliknya berani untuk berunding.

takan pihak-pihak yang bertikai di Ukraine harus memiliki "keberanian mengibarkan bendera putih" — sebuah istilah yang biasanya dikaitkan dengan penyerahan diri tetapi bagi Vatikan, "bendera putih" bermaksud keterbukaan terhadap rundingan.

Para pemimpin sivil dan Gereja Ukraine agak kesal dengan kenyataan itu.

Meskipun tidak menyebut secara langsung nama Sri Paus Fransiskus, Presiden Ukraine, Volodymyr Zelenskyy dalam video ucapannya pada malam Mac 10, memuji para pemimpin Gereja yang berada di garis depan menyokong pertahanan Ukraine dan "bukannya seseorang yang berada dua setengah ribu kilometer jauhnya, kemudian menjadi pengantara secara maya di antara seseorang yang ingin hidup

dan seseorang yang ingin memusnahkan anda."

Duta Besar Ukraine untuk Takhta Suci mengatakan pada Mac 11, Uskup Agung Visvaldas Kulbokas telah dipanggil ke Kementerian Luar Negeri Ukraina menyusul kenyataan Sri Paus yang "mengecewakan" Ukraine.

Kementerian itu juga mengatakan bahawa Sri Paus harus menyampaikan permohonannya "kepada pihak yang menyerang, bukan kepada mangsa."

Kardinal Parolin mengatakan pada dasarnya Takhta Suci lebih khawatir mengenai pihak-pihak yang bertikai menjadi "semakin tertutup pada kepentingan mereka sendiri [dan] tidak melakukan apa yang mereka seharusnya lakukan demi perdamaian." — *media Vatikan*

Pemimpin agama bantu reformasi pelayanan kesihatan

SEOUL: Presiden Korea Selatan Yoon Suk-yeol mengalu-alukan para pemimpin agama untuk menyokong pentadbirannya dalam menangani isu sivil dan membantu kerajaan dalam mereformasikan sektor penjagaan kesihatan.

Bertemu pemimpin agama di Rumah Biru, Yoon mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana menyokong pembaharuan dalam penjagaan kesihatan, lapor Agensi Berita *Yonhap* pada Mac 12.

"Sokongan komuniti agama untuk pembaharuan penjagaan kesihatan dalam semangat menghormati kehidupan telah menjadi kekuatan besar dalam memajukan sektor kesihatan," kata Yoon.

Yoon melahirkan rasa terima kasih kepada kumpulan-kumpulan agama yang telah menyokong pembaharuan penjagaan kesihatan kerajaan

yang bertujuan untuk meningkatkan jumlah kemasukan ke sekolah perubatan mulai tahun depan bagi memerangi kekurangan pelayan terhadap warga emas.

Mesyuarat itu dihadiri oleh 10 pemimpin agama, antaranya dari Gereja Katolik, Gereja Baptis, Buddhisme Jogye, Buddhisme Tendai, Buddhisme Won, Konfusianisme dan Cheondoisme.

Yoon juga memberitahu para pemimpin agama bahawa beliau telah melakukan perjalanan untuk mendengar secara langsung suara masyarakat dan keperluan mereka dalam pelayanan kesihatan.

Beliau juga meyakinkan para pemimpin agama bahawa kerajaan akan secara aktif menyokong pelbagai peranan dari umat pelbagai agama dalam kesihatan mental di negara itu. — *ucanews.com*



Beberapa orang religius yang sedang belajar dalam bidang perubatan menjalani latihan di sebuah hospital Seoul. Gambar: *ucanews.com*

Sepuluh tema untuk Kumpulan Belajar Sinode

VATIKAN: Berdasarkan Laporan Sintesis, yang diluluskan pada akhir Sesi Pertama Perhimpunan Agung Biasa ke-16 Sinode, pada Oktober 28, Sri Paus Fransiskus telah menunjukkan sepuluh tema yang akan dipertimbangkan oleh Kumpulan Kajian Sinode sebelum perbincangan sinode pada bulan Oktober tahun ini.

Bapa Suci menyenaraikan topik-topik perbincangan tersebut dalam surat yang ditujukan kepada Kardinal Mario Grech, Setiausaha Agung Sekretariat Agung Sinode, diterbitkan pada Mac 14.

Pada masa yang sama, Pejabat Akhbar Takhta Suci mengadakan sidang media bagi menggambarkan dua dokumen baharu daripada

Sekretariat Agung.

Dokumen pertama bertajuk "Bagaimana menjadi Gereja sinodal dalam misi?" Lima perspektif untuk didalami secara teologi pada Sesi Kedua .

Dokumen kedua ialah "Kumpulan-kumpulan kajian mengenai persoalan yang timbul dalam Sesi Pertama Perhimpunan Agung Biasa ke-16 Sinode Uskup untuk didalami dengan kerjasama Dikasteri-dikasteri Kuria Romawi."

Dalam surat kepada Kardinal Grech, Sri Paus berkata Laporan Sintesis "menyebut banyak isu teologi yang penting, semuanya pada tahap yang berbeza-beza berkaitan dengan pembaharuan sinodal Gereja tetapi harus dilihat

dari kesannya terhadap perundangan dan pastoral."

"Isu-isu ini, mengikut kepentingannya, memerlukan kajian yang mendalam," ujar Sri Paus Fransiskus.

"Setelah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada semua perkara, saya mengarahkan Kumpulan berkenaan menangani topik yang disenaraikan di bawah dalam bentuk ringkasan, berdasarkan kandungan Laporan Sintesis."

Sepuluh tema, yang digariskan oleh Sri Paus, adalah seperti berikut:

1. Beberapa aspek hubungan antara Gereja Katolik Timur dan Gereja Latin (SR 6)
2. Mendengar tangisan orang-orang miskin (SR 4 and 16)
3. Misi alam sekitar digital (SR 17)
4. Semakan Nisbah *Fundamentalis Institutionis Sacerdotalis* dalam perspektif misionari sinodal (SR 11)
5. Beberapa hal teologi dan kanonik mengenai forma-forma pelayanan (SR 8 and 9)
6. Semakan semula, dalam perspektif misionari, dokumen-dokumen tentang hubungan antara Uskup, hidup bakti dan yayasan-yayasan badan Gereja (SR 10)
7. Beberapa aspek peribadi dan pelayanan Uskup (kriteria untuk memilih calon Episkopal, fungsi kehakiman para Uskup, sifat dan perjalanan lawatan *ad limina Apostolorum* dari perspektif

misionari sinode (SR 12 dan 13) 8.

8. Peranan Perwakilan-perwakilan Bapa Suci dalam perspektif misionari sinodal (SR 13)

9. Kriteria teologi dan metodologi sinodal untuk pemahaman bersama tentang isu doktrin, pastoral dan etika yang kontroversi (SR 15)

10. Penerimaan hasil perjalanan ekumenikal dalam amalan gerejawi (SR 7)

Sri Paus menegaskan bahawa Sekretariat Agung Sinode mempunyai tugas untuk menyediakan, garis besar kerja untuk menentukan mandat kumpulan, berdasarkan petunjuk dan bimbingan daripada Bapa Suci. — *media Vatikan*

ULANG TAHUN KEPAUSAN SRI PAUS FRANSISKUS KE-11

Bapa Suci rayu kegilaan peperangan berakhir

VATIKAN: “*Saya menderita melihat orang mati, kanak-kanak yang tidak akan kembali...*” Sri Paus Fransiskus mengucapkan kata-kata ini tepat setahun yang lalu.

Ketika itu, prelatus itu menyambut ulang tahun kesepuluh kepausannya dan beliau berkongsi rasa pilu serta sakitnya yang turut dirasakan oleh ribuan ibu di seluruh dunia.

Uskup Roma itu berbicara dalam podcast pertama yang diterbitkan oleh media Vatikan. Tumpuannya berfokus kepada golongan muda yang terkorban dalam perang di Ukraine, yang disifatkannya sebagai “martir” atau “terseksa”.

Dan slogan ini tidak pernah berhenti sebaliknya berteraskan mengingatkan dunia tentang penderitaan rakyat Ukraine.

Seruan Sri Paus dan solidaritinya dengan Ukraine tidak padam selama 12 bulan, sehinggalah menjelang ulang tahun kepausannya yang ke-11, lebih-lebih lagi prospek konflik yang semakin meluas di Eropah Timur, dengan kemungkinan penempatan tentera Eropah dan ancaman tindak balas nuklear.

Berita buruk semakin parah apabila meletusnya konflik di Tanah Suci pada Oktober tahun lalu berikutan serangan penganas oleh Hamas dan tindak balas tentera Israel yang mengakibatkan kira-kira 31,000 kematian dalam tempoh lima bulan.

Mengalami kesakitan ini, Sri Paus Fransiskus, ketua Gereja Sejagat itu sering berdoa dalam keheningan dalam biliknya,



di mana dia menyimpan ikon, salib dan objek lain yang mewakili negara-negara yang menderita.

Bapa Suci menyuarakan kesakitan ini dalam setiap kenyataan umum. Lebih 130 seruan telah dilaukannya pada tahun lalu untuk Ukraine, lebih daripada 60 seruan untuk Timur Tengah dan penduduk Gaza.

Setiap kali *Angelus, Regina Caeli*, atau Audiensi bersama umat umum, Sri Paus tidak pernah gagal menyeru doa agar peperangan berakhir, mengulangi kedekatan doanya bagi para mangsa peperangan dan seruan keamanan untuk menamatkan “kegilaan” perang.

Harapan untuk keamanan yang adil dan berkekalan adalah satu-satunya tema dan latar belakang kata-kata Sri Paus sepan-

jang tahun kesebelas kepausannya.

Sri Paus tidak berputus asa menyeru perdamaian, mengharapakan keamanan dan berdoa untuknya.

Itu adalah kata-kata Sri Paus kepada keluarga pelarian yang tiba di Itali melalui koridor kemanusiaan pada Mac 18, tahun lalu.

Pada Mac 25, Bapa Suci mengenang kembali saat mengkonsekrasi Rusia dan Ukraine kepada Hati Maria yang Tak Bernoda. Bapa Suci berdoa, “Janganlah kita jemu mempercayai perdamaian kepada Ratu Damai” seraya menghimbau umat beriman untuk selalu mengenang Ukraine dan berdoa kepada Perawan Maria kerana “dia adalah ibu, yang dapat menjaga kita semua dalam kesatuan dan kedamaian.” — *media Vatikan*

Lapan penaung bagi hobi anda

Mempunyai hobi adalah cara terbaik untuk menjauhkan diri daripada tekanan kehidupan seharian.

Walau bagaimanapun, mungkin lebih baik kita membenarkan sedikit campur tangan syurgawi agar masa lapang kegemaran kita itu lebih bermanfaat.

Orang-orang kudus penaung ini bukan sahaja memberikan bimbingan rohani tetapi juga mengingatkan kita bahawa hobi kita boleh jalan untuk keseronokan dan pengudusan.

● Berkebun — Sto Fiacre

Sto Fiacre sering dikaitkan dengan berkebun kerana legenda mengatakan dia mencipta taman herba penyembuhan di Perancis. Cintanya terhadap alam semula jadi dan berkebun menjadikannya pelindung yang sempurna bagi mereka yang gemar berkebun kerana dia dapat berdoa untuk tuaian yang berbuah dan bunga yang cantik.

● Lukisan — Sto Lukas Penginjil

Sto Lukas secara tradisinya dianggap sebagai santo penaung artis, terutamanya bagi para pelukis, kerana mungkin dialah pelukis pertama imej Perawan Maria. Para seniman sering berdoa kepadanya untuk inspirasi dan kreativiti.

● Memasak — Sto Lawrence

Sto Lawrence, dikenali sebagai santo penaung tukang masak dan kulinari, juga merupakan simbol kemurahan hati dan pelayanan.

Legenda mengatakan bahawa ketika ditanya apakah khazanah Gereja, dia merujuk kepada orang miskin dan memerlukan. Sifat tidak mementingkan diri dan kecekapan kulinari masakan menjadikannya penaung yang ideal bagi mereka yang suka memasak.

● Membaca — Sto Jerome

Sto Jerome terkenal dengan keilmuannya, khususnya terjemahan Alkitab ke dalam bahasa Latin (dikenali sebagai *Vulgate*). Dedi-

kasinya untuk mempelajari dan memelihara teks-teks suci menjadikannya penaung yang sesuai untuk pencinta buku dan cendekiawan.

● Fotografi — Sta Veronica

St Veronica sering dikaitkan dengan kisah dia mempersembahkan kain kepada Yesus untuk mengelap mukanya semasa Dia memikul salib. Legenda mengatakan bahawa imej wajah Yesus telah tercetak secara ajaib pada kain itu. Oleh itu, Sta Veronica dilihat sebagai penaung fotografi, merakam detik dan imej yang menjadi saksi ketuhanan dalam kehidupan seharian.

● Muzik — Sta Cecilia

Sta Cecilia ialah penaung pemuzik dan penyanyi kerana pengabdianya terhadap muzik. Dia dipercayai menyanyi kepada Tuhan di dalam hatinya, walaupun di tengah-tengah penganiayaan. Pemuzik sering memohon doa padanya untuk bimbingan, inspirasi dan keindahan gubahan muzik mereka.

● Memancing — Sto Andreas

Tidak menghairankan bahawa Sto Andreas adalah santo penaung pemancing, memandangkan dia adalah seorang nelayan sebelum menjadi pengikut Yesus. Nelayan memohon doa pada Sto Andreas bukan sahaja untuk hasil tangkapan yang banyak tetapi juga untuk keselamatan di perairan.

● Hiking — Sto Bernard dari Menthon

Sto Bernard dari Menthon sering dihormati sebagai santo penaung para pendaki berdasarkan legendanya di banjaran Alpine dan usaha gigihnya dalam menubuhkan hospis di sepanjang laluan pergunungan yang berbahaya itu. — *Aletia*



Melakukan hobi bersama orang kudus boleh menjadi jalan kegembiraan dan pengudusan.

PENULIS BERKICAU

Siapakah Raja mulia itu?

Ketika Tuhan menghampiri kota Yerusalem, sekumpulan besar orang keluar untuk menemui Dia.

Mereka melambai-lambaikan dahan palma dan membentangkan jubah mereka di hadapan-Nya. Jeritan yang dilontarkan lahir dari hati mereka, “Hosana, Diberkatilah Dia yang datang dalam nama Tuhan!”

Pada hari Minggu Palma ini, mari kita mengenang kemasukan dan kemenangan Tuhan ke Yerusalem. Melalui kata-kata dan tindakan kita, Tuhan memberi kita berkat untuk hadir semasa Dia memasuki kota Yerusalem, dengan menghayati liturgi hari Minggu Palma.

Memasuki Minggu Suci seumpama kepulauan, kembali ke tempat yang kita kenal dan sukai. Kepulauan ini, dipenuhi kegembiraan, sambutan, peluang untuk menemui makna-makna tersembunyi karya-karya Tuhan dalam kehidupan kita.

Kata-kata liturgi hari Minggu Palma menusuk lubuk hati kita. Misalnya kata atau seruan “Hosana”? Kita mengucapkan “Hosana” setiap kali merayakan Misa Kudus. Tetapi apakah maksudnya?

Hosana telah didoakan oleh para imam Israel sebagai sebahagian daripada perayaan-perayaan Bait Tuhan di Yerusalem. Ia adalah doa, tangisan. Hosana adalah permohonan agar Tuhan mendengar dan menjawab seruan Israel untuk pembebasan.

Pengarang Injil Yohanes menulis, “Berbahagialah kamu yang telah datang dalam kemurahanmu yang berlimpah-limpah!”

Dan penulis Mazmur 24 mengatakan, “Angkatlah kepalamu, hai pintu-pintu gerbang dan terangkatlah kamu, hai pintu-pintu yang berabad-abad, supaya masuk Raja Kemuliaan! Siapakah raja kemuliaan ini? Dia, Tuhan semesta alam, Dialah raja kemuliaan. Hosana di tempat yang mahatinggi!”

Hosana juga adalah seruan pujian. Kita melaungkan Hosana untuk berterima kasih kepada Tuhan yang maha kuasa atas pekerjaan indah yang telah Dia lakukan. Tuhan mengingati perjanjian-Nya yang dahulu. Dia setia akan janji-Nya kepada Israel; bahawa dia akan menghantar seorang penyelamat dari keluarga Daud. Maka kita berseru, “Hosana! Diberkatilah Dia yang datang dalam nama Tuhan! Diberkatilah kerajaan bapa kita Daud yang akan datang! Hosana di tempat yang mahatinggi!” (Mrk 11:10).

Mari memilih untuk bersama Kristus sepanjang Minggu Suci ini. Mari mengucapkan Hosana sambil mengenang mereka yang sedang menderita akibat peperangan, bencana, kemiskinan dan mereka yang terpinggir.

Pada Minggu Suci ini, semoga kita mengingati bayi-bayi yang tidak sempat menghirup udara di dunia kerana digugurkan.

Alangkah baiknya jika seruan Hosana ini adalah untuk mendoakan ratusan ribu yang sedang berjalan ke sempadan negara kerana tanah air mereka sedang diruntuhkan oleh penganas, mereka yang mengharungi lautan luas untuk ke tempat baharu demi kelangsungan hidup atau mereka yang terdampar di lautan kerana tidak ada negara yang mahu menerima mereka.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Seminar Eksorsisme dan doa pembebasan

LINSOSOD, Keningau: Sakramen Tobat dan Ekaristi adalah sakramen-sakramen yang sangat kuat untuk menolak kuasa jahat. Hal ini diterangkan semasa Seminar Eksorsisme dan Doa-doa Pembebasan pada Mac 2 lalu di Gereja St Dominic Linsosod Liawan.

Seminar yang dikendalikan oleh Fr Dr Charles Chiew telah mendapat penyertaan seramai 260 peserta. Ia memberi penerangan tentang pengusiran roh jahat dan siapa yang boleh melaksanakannya.

Acara seminar dimulai dengan topik pengenalan tentang roh jahat, pengaruhnya terhadap manusia, penjelasan tentang peranan dan kuasa Roh Kudus dalam mengalahkan roh kejahatan.

Sesi pada sebelah petang, acara diisi dengan upacara pemberkatan medal Sto Benedict, garam, air berkat, Salib, minyak dan lilin. Fr Charles juga memimpin sesi penyembuhan dan pembebasan bagi para



Fr Dr Charles memberi pencerahan tentang Eksorsisme dan Doa-Doa Pembebasan.

peserta. Paderi itu berpesan agar setiap kita harus sentiasa berjaga-jaga apabila kita terlibat dalam Doa Pembebasan/Pengusiran.

Dalam kehidupan sehari-hari, kita mungkin mengalami kejadian, tempat,

benda atau orang-orang tertentu yang terkena pengaruh kuasa jahat.

Dalam kes-kes yang tidak ekstrem, kita boleh mengatasi hal ini dengan berdoa kepada Tuhan agar Dia berbelas kasihan dan mengusir roh jahat tersebut, atau dalam

kes berat, hubungi paroki untuk permohonan bantuan dari Paderi yang dikhususkan dengan tugas itu.

Gereja Katolik menyatakan bahawa eksorsisme besar yang ekstrem dan berat, hanya dapat dilakukan oleh seorang Paderi yang diberi kuasa oleh Uskup.

Salah satu doa yang paling berkuasa untuk mengusir kuasa roh jahat adalah doa rosari, kerana Bunda Maria yang telah berhasil mengalahkan kuasa jahat dengan kekudusan, kerendahan hati dan ketaatannya kepada Tuhan sepanjang hidupnya. Jika diucapkan dengan disposisi hati yang benar, doa rosari berserta dengan doa litani para kudus, akan sangat besar kuasanya

Di penghujung seminar, Pengerusi KUK St Dominic Linsosod Liawan, Sdra Fredric Saguling memberi sumbangan kasih kepada Fr Dr Charles Chew sebagai penghargaan. — Earl Anthony Alex

Katekis harus selalu up to date

KUALA LUMPUR: 50 peserta daripada empat kerkasul bahasa di Keuskupan Agung Kuala Lumpur berkumpul di Pusat Pastoral Keuskupan Agung untuk Program Formasi Katekis Baharu 2024 pada Mac 2-3 lalu.

Formasi ini dianjurkan oleh Pelayan Kateketikal yang diketuai oleh Dr Steven Selvaraju.

Buat julung kalinya, para peserta dari semua kerkasul bahasa bergabung dalam formasi ini. Tiga orang delegasi dari Komisi Kateketikal Keuskupan Pulau Pinang juga hadir sebagai pemerhati sepanjang formasi tersebut.

Objektif formasi ini adalah untuk mengongsikan kepada peserta tentang panggilan se-

orang katekis, memberikan gambaran umum tentang buku-buku Siri Kateketikal Malaysia dan teknik-teknik pembimbingan dalam kelas Katekismus.

Sesi khusus tentang Spiritualiti Katekis yang disampaikan oleh Sr Retta Savariannan, FDCC menerangkan bahawa seorang katekis bersumber pada katekis ulung dan sejati kita iaitu Yesus Kristus. Dialah Guru sejati, Sang Gembala Agung yang mengajar dengan sempurna baik perkataan dan perbuatan kepada umat-Nya.

Para peserta juga berpeluang untuk melakukan simulasi pengajaran dan pembelajaran kelas Katekismus.



Dr Steven Selvaraju dan timnya memberikan beberapa saranan penting bagi meningkatkan lagi pemahaman dan cara terbaik mengelola kelas Katekismus.

Seorang peserta dari kerkasul Bahasa Malaysia mengatakan bahawa acara tersebut sangat menginspirasi terutama sesi teknik-teknik

pengajaran dan pembelajaran. Latihan sebegini penting untuk membantu setiap katekis menjadi lebih efektif dan kreatif dalam kelas Katekismus.

Pada akhir formasi dan sebagai tanda penghargaan, setiap peserta menerima sijil penyer-taan. — Isaac Alfred Simbun

Wanita di perantauan, mandiri dan bermental kuat



PORTDICKSON: Sempena musim Pra-Paska dan Hari Wanita 2024, Gereja Immaculate Conception Port Dickson telah mengadakan ceramah bertajuk "Hidup Sebagai Wanita, Keimanan Di perantauan" pada Mac 7 lalu.

Ceramah ini disampaikan oleh Cik Crietal Philip yang berasal dari Keningau, Sabah namun kini bermastautin di Plentong, Johor. Seramai 45 peserta yang datang dialu-alukan oleh paderi paroki, Fr Edwin Peter.

Cik Crietal dalam ceramahnya menumpu kepada kepentingan solidariti di kalangan kaum wanita yang boleh dipupuk melalui semangat kerjasama dan saling menyokong.

Kehadiran mentor juga amat penting untuk memantau perkembangan, menyediakan kepimpinan dan galakan yang perlu demi perkembangan dan kejayaan kaum wanita.

Peranan seorang wanita, tanggungjawab serta kepimpinannya menjangkau bukan sahaja ahli keluarga tetapi harus berkembang di kalangan komuniti.

Wanita memainkan peranan dalam pelbagai aspek seperti menjadi ibu, ketua keluarga, ketua masyarakat dan penggerak komuniti.

Seorang wanita harus selalu mementingkan keadilan, keamanan dan kebaikan yang kuat bertapak dalam iman. 'Tangan lembut yang menghayun buaian mampu menggoncangkan dunia' — pepatah terkenal ini menggambarkan wanita adalah agen penting dalam pembangunan, keadilan dan keamanan dunia.

Ceramah diakhiri dengan doa penutup dan sesi bergambar. — Geraldine Ann

Paderi jelaskan makna Minggu Suci

SANDAKAN: Fr Raymond Lee, paderi pembantu paroki Katedral St Mary, memberi penjelasan tentang Minggu Suci kepada tiga kumpulan bahasa yang aktif di katedral.

Fr Raymond yang fasih dalam tiga bahasa itu menyampaikan perjalanan Minggu Suci, bermula dari Hari Minggu Palma, Tridum dan Hari Raya Besar Paskah kepada kumpulan bahasa Malaysia (Februari 27), bahasa Inggeris (Mac 3) dan kumpulan bahasa Cina (Mac 10).

Paderi itu menjelaskan Hari Minggu Palma mengingati kemeriah dan kegemilangan Yesus semasa memasuki Yerusalem. Yesus disambut sebagai raja dan umat mengalu-alukan Dia dengan sorakan Hosana serta daun palma.

Pada malam Khamis Suci, Yesus telah

menubuhkan Ekaristi pada Perjamuan Terakhir dan membasuh kaki para murid-Nya.

Fr Raymond mengatakan pada hari Jumaat Agung, tidak ada perayaan Misa sebagai tanda berkabung kematian Yesus di atas kayu salib.

Malam Paskah adalah saat di mana umat merasakan sukacita sambil berjaga-jaga menantikan kebangkitan Tuhan. Perjalanan liturgi pada malam Vigil Paskah agak istimewa kerana umat dapat mendengar tujuh pembacaan, upacara nyalaan lilin Paskah, pemberkatan air suci, pembaharuan janji baptis dan pembaptisan para katekumen.

Paskah adalah hari paling sakral dan oleh kerana kebangkitan Kristus, kuasa dosa dan maut dipatahkan dan kita dapat memperoleh hidup kekal.

